



6

Mengelakkan gangguan atau tindakan undang-undang

Untuk mengelakkan gangguan si pemiutang atau tindakan undang-undang, pastikan anda membayar ansuran bulanan tepat pada masanya. Anda perlu sedar bahawa jika anda tertinggal atau tidak membayar ansuran mengikut jadual, kedudukan kredit anda akan terjejas.

Sekiranya anda berfikiran bahawa tiada siapapun yang ingat terhadap diri anda, cuba lihat apa akan terjadi jika anda tidak membayar ansuran pinjaman anda kepada pemiutang?

7

Hubungan keluarga yang lebih baik

Semakin cekap anda menguruskan hutang, semakin baik hubungan anda dengan ahli keluarga. Sering kali pertelingkahan atau salah faham antara ahli keluarga berpunca daripada masalah kewangan

Pengurusan hutang yang baik juga akan mengeratkan hubungan anda dengan kawan dan rakan sekerja

Keadaan ini pasti memupuk suasana yang lebih harmonis di rumah sambil meningkatkan produktiviti di tempat kerja

